

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA PANDUAN 18 PERANAN DAN TANGGUNG JAWAB PENAJA

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa : Tarikh semakan:	3 Ogos 2009 3 Ogos 2009, 13 Julai 2015, 2 Januari 2018
	Kaedah 3.02(4), 4.06, 4.07 dan 6.02(4)

1.0 Pengenalan

- 1.1 Kaedah 3.02 (4) Kehendak-kehendak Penyenaraian memperuntukkan bahawa Penaja yang dilantik oleh pemohon adalah bertanggungjawab untuk menilai kesesuaian pemohon yang inginkan penerimaan masuk ke Senarai Rasmi.
- 1.2 Kaedah 4.06 Kehendak Penyenaraian memperuntukkan bahawa sebelum menaja pemohon, Penaja mesti mempunyai pemahaman yang baik dan pengetahuan terkini mengenai pemohon, perniagaan, operasinya, industri di mana ia beroperasi dan apa-apa isu lain yang mungkin mempengaruhi perniagaan dan industri pemohon.
- 1.3 Kaedah 4.07 Kehendak Penyenaraian memperuntukkan seperti berikut:
 - (1) *Penaja mesti menilai kesesuaian pemohon yang inginkan penerimaan masuk ke Senarai Rasmi.*
 - (2) *Dalam menilai sama ada pemohon sesuai untuk penyenaraian, Penaja mesti membuat semua siasatan usaha wajar dan mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan, termasuk yang berikut:*
 - (a) *prospek perniagaan pemohon;*
 - (b) *rekod tadbir urus korporat pemohon;*
 - (c) *kesesuaian, keberkesan dan tingkah laku korporat lembaga pengarah dan pengurusan utama di masa lalu ;*
 - (d) *sifat dan tahap percanggahan kepentingan atau potensi percanggahan kepentingan, jika ada;*
 - (e) *sama ada pemohon mempunyai sistem, prosedur, dasar, kawalan dan sumber yang mencukupi untuk mematuhi Keperluan ini dan bahawa para pengaruhnya memahami kewajipan mereka bawah Kehendak ini;*

Nota Panduan 18
Peranan dan Tanggung jawab Penaja

- (f) sama ada pemohon mempunyai sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang mencukupi; dan
- (g) bahawa penerimaan masuk pemohon ke Senarai Rasmi tidak menjelaskan kepentingan awam.
- (3) Penaja mesti menjalankan, mengambil bahagian secara aktif dan mengawasi penyediaan dan proses usaha wajar untuk Dokumen Awam dan mematuhi Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengenai Pengendalian Usaha Wajar untuk Cadangan Korporat, jika terpakai.
- (4) Penaja mesti mempertimbangkan dan memberi nasihat mengenai kecekapan dan kesesuaian penasihat lain yang terlibat di dalam penyenaraian pemohon.
- (5) Bursa boleh meminta Penaja untuk menunjukkan pematuhanya terhadap sub-Kaedah (2) hingga (4) di atas. "
- 1.4 Kaedah 6.02 (4) Kehendak Penyenaraian memperuntukkan bahawa perbadanan tersenarai mesti menyerahkan permohonan penyenaraian berkaitan dengan terbitan baharu sekuriti bawah Bab 6 melalui Penaja atau Penasihat, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 1.5 Nota Panduan ini menjelaskan kewajipan Penaja atau Penasihat seperti berikut:
- (a) menilai kesesuaian pemohon yang inginkan penerimaan masuk ke Senarai Rasmi atau perbadanan tersenarai yang melaksanakan cadangan korporat yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai (secara kolektif disebut sebagai "**Pemohon**"), seperti yang dinyatakan dalam perenggan 2.0 hingga 11.0 Nota Panduan ini; dan
- (b) menasihati perbadanan tersenarai mengenai mana-mana terbitan baharu sekuriti sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 5.0, 6.0, 10.0 dan 11.0 Nota Panduan ini, dengan pengubahsuaian dan penyesuaian yang diperlukan.

2.0 Pemahaman yang baik mengenai Pemohon

- 2.1 Penaja mesti memperolehi pemahaman yang baik dan pengetahuan yang dikemas kini mengenai Pemohon, perniagaan, operasinya, industri di mana ia beroperasi dan apa-apa isu lain yang mungkin mempengaruhi perniagaan dan industri Pemohon. Penaja boleh menggunakan pakar dalamannya, melantik pakar bebas luar atau mendapatkan nasihat profesional atau undang-undang untuk mencapainya.
- 2.2 Dalam memenuhi perenggan 2.1 di atas, Penaja sekurang-kurangnya hendaklah melakukan perkara berikut:
- (a) memastikan bahawa ia memiliki, atau mempunyai akses kepada, pengetahuan yang sewajarnya mengenai bidang perniagaan Pemohon (mengambil kira negara ia diperbadankan dan beroperasi);
- (b) mempertimbangkan sektor Pemohon, cadangan, rancangan perniagaan, struktur perniagaan, maklumat kewangan masa lalu dan maklumat korporat lain, termasuk usaha wajar yang dilakukan menurut perenggan 10.0;
- (c) mempertimbangkan apa-apa masalah berkaitan dengan negara Pemohon diperbadankan, operasi dan apa-apa masalah lain yang mungkin mempengaruhi kewajaran dan kesesuaianya untuk penyenaraian; dan

Nota Panduan 18
Peranan dan Tanggung jawab Penaja

-
- (d) melawati pejabat atau tapak-tapak operasi yang material Pemohon dan berjumpa dengan para pengarah dan pengurus utama.

3.0 Prospek seorang Pemohon

- 3.1 Secara amnya, Penaja mesti mempertimbangkan, antara lain, sama ada -
- (a) perniagaan itu adalah berkemungkinan besar untuk berjaya;
 - (b) perniagaan itu berpotensi untuk menjalankan operasi yang menguntungkan dan menjana kekayaan;
 - (c) Pemohon mempunyai sumber yang mencukupi untuk merealisasikan potensinya; dan
 - (d) Pemohon mempunyai kedudukan yang mampan dalam industri dengan mengambil kira daya persaingan, ketersediaan produk atau perkhidmatan alternatif, dasar dan insentif kerajaan, dan ekonomi.
- 3.2 Secara amnya, Penaja tidak boleh menganggap Pemohon sebagai sesuai untuk penyenaraian sekiranya -
- (a) perniagaan Pemohon adalah dalam kerugian;
 - (b) perniagaan Pemohon menunjukkan keuntungan yang menurun yang boleh menimbulkan keraguan terhadap potensinya; atau
 - (c) Pemohon mengalami keberuntungan rendah dan tanpa pertumbuhan dalam keputusan kewangan,
- melainkan Penaja boleh menunjukkan kepada Bursa bahawa -
- (i) Pemohon adalah sebuah syarikat inovatif yang terlibat sama ada dalam aktiviti perniagaan berdasarkan teknologi atau penyelidikan dan pembangunan;
 - (ii) Pemohon telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi kewangannya; atau
 - (iii) Pemohon mempunyai satu strategi untuk memulihkan perniagaannya di masa hadapan,
- dan terdapat justifikasi yang boleh diterima mengenai prospek perniagaan Pemohon.

4.0 Rekod tadbir urus korporat

- 4.1 Penaja mesti mempertimbangkan rekod tadbir urus korporat Pemohon. Ini termasuk sama ada telah terdapat tindakan terdahulu terhadap Pemohon atau penganjurnya untuk apa-apa pelanggaran undang-undang, garis panduan atau peraturan yang berkaitan termasuk yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau Bursa atau kedua-duanya, atau kerana gagal untuk mematuhi mana-mana petunjuk, arahan, atau syarat yang dikenakan oleh Bursa termasuk Kehendak Penyenaraian.
- 4.2 Jika Pemohon adalah sebuah perbadanan asing, Penaja mesti mempertimbangkan sejauh mana pematuhan oleh Pemohon atau penganjurnya dengan undang-undang asing itu, garis

Nota Panduan 18
Peranan dan Tanggung jawab Penaja

panduan yang terpakai atau peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

5.0 Kesesuaian, keberkesenan dan tingkah laku korporat lembaga pengarah dan pengurusan utama di masa lalu

5.1 Penaja mesti menyiasat dan menilai kesesuaian setiap pengarah (yang dicadangkan) dan mempertimbangkan keberkesenan lembaga pengarah secara keseluruhan untuk keperluan Pemohon, seperti berikut:

- (a) mengeluarkan dan mengkaji semula soal selidik pengarah dan mengkaji semula vitae kurikulum para pengarah;
- (b) mengesahkan maklumat yang dinyatakan di dalam soal selidik dan vitae kurikulum di atas, contohnya dengan melakukan carian akhbar, semakan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, semakan kebankrapan, pengambilan rujukan dan, jika sesuai, mendapatkan semakan pihak ketiga. Bagi pengarah yang tidak berpusat di Malaysia, siasatan yang sewajarnya hendaklah dilaksanakan;
- (c) menganalisis sebarang isu hasil dari kajian semula atau penyiasatan ini dan khususnya mengenai bagaimana ia boleh mempengaruhi kewajaran dan kesesuaian penyenaraian Pemohon; dan
- (d) mempertimbangkan kesesuaian dan pengalaman setiap pengarah berhubung peranannya (yang dicadangkan) dalam memastikan operasi perniagaan Pemohon yang berkesan dan mempertimbangkan sama ada setiap pengarah (dicadangkan) adalah sesuai untuk menjadi seorang pengarah sebuah perbadanan tersenarai awam di Malaysia.

5.2 Dalam mempertimbangkan kesesuaian dan pengalaman setiap pengarah (yang dicadangkan) yang diberikan bawah perenggan 5.1 (d) di atas, Penaja mesti berpuas hati bahawa pengarah Pemohon (yang dicadangkan) secara individu dan bersama mempunyai pengalaman, kelayakan dan kecekapan untuk menguruskan perniagaan Pemohon dan mematuhi Kehendak Penyenaraian dan kehendak undang-undang atau peraturan lain yang berkaitan dengan peranannya.

5.3 Perwatakan dan integriti pengarah (yang dicadangkan) dari Pemohon adalah satu faktor yang relevan untuk dipertimbangkan. Dalam mempertimbangkan sama ada para pengarah (yang dicadangkan) mempunyai perwatakan dan integriti yang dijangkakan dari perbadanan tersenarai, Penaja mesti mengambil kira penzahiran yang dibuat dalam soal selidik dan vitae kurikulum seperti yang diberikan bawah perenggan 5.1(a) oleh setiap pengarah (yang dicadangkan).

5.4 Penaja juga mesti menyiasat tingkah laku korporat di masa lalu para pengarah (yang dicadangkan) dari Pemohon untuk menentukan integriti mereka. Penaja mesti berpuas hati bahawa dalam pematuhan perenggan 5.3 di atas, tidak ada seorang yang dilantik atau dibenarkan untuk bertindak sebagai pengarah Pemohon atau terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam pengurusan Pemohon, termasuk bertindak dalam kapasiti penasihat berhubung Pemohon, jika dia -

- (a) telah disabitkan oleh mahkamah undang-undang, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, atas sesuatu kesalahan berhubung penganjuran, pembentukan atau pengurusan suatu perbadanan;

Nota Panduan 18
Peranan dan Tanggung jawab Penaja

- (b) telah disabitkan oleh mahkamah undang-undang, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, atas suatu kesalahan, yang melibatkan sogokan, fraud atau kecurangan atau jika sabitan itu melibatkan penemuan bahawa dia bertindak dengan curang atau tidak jujur; atau

- (c) telah disabitkan oleh mahkamah undang-undang atas kesalahan bawah undang-undang sekuriti atau Akta Syarikat,

dalam tempoh 5 tahun dari tarikh sabitan atau jika dijatuhkan hukuman penjara, dari tarikh dibebaskan dari penjara, mengikut mana-mana yang berkenaan.

- 5.5 Jika sesuai, Penaja mesti memperluas penyiasatan dan penilaian yang ditentukan dalam perenggan 5.1 di atas kepada orang-orang berikut:

- (a) setiap anggota pengurusan utama semasa mempertimbangkan keberkesanan pengurusan utama secara keseluruhan untuk keperluan Pemohon; dan
- (b) penganjur Pemohon.

6.0 Percanggahan kepentingan

- 6.1 Penaja mesti menilai semua hal perniagaan Pemohon untuk menentukan sama ada wujud, atau berkemungkinan besar untuk wujud, sebarang keadaan percanggahan kepentingan, berhubung peranan Penaja sebagai Penaja kepada Pemohon.

- 6.2 Pemohon mesti menyelesaikan, menghapuskan atau mengurangkan semua percanggahan kepentingan. Penaja tidak boleh mengemukakan permohonan penyenaraian kepada Bursa jika terdapat percanggahan kepentingan yang tidak diatasi dengan memuaskan.

- 6.3 Pemohon dan Penajanya mesti mempertimbangkan faktor-faktor berikut untuk menentukan jika timbul sesuatu percanggahan kepentingan:

- (a) sama ada mana-mana pihak berkepentingan (termasuk pengarah, pemegang syer utama dan ketua eksekutif) dari Pemohon atau syarikat subsidiarinya mempunyai kepentingan kewangan peribadi yang bercanggah dengan kepentingan Pemohon atau syarikat subsidiarinya;
- (b) sama ada perhubungan antara pemegang syer utama dengan Pemohon atau syarikat subsidiarinya boleh mengakibatkan percanggahan di antara kewajipan Pemohon terhadap pemegang syer utama itu dan tugasnya kepada badan pemegang syer am;
- (c) sama ada pertimbangan profesional dari mana-mana orang berkepentingan untuk bertindak demi kepentingan terbaik Pemohon atau syarikat subsidiarinya dikompromikan;
- (d) sama ada mana-mana orang berkepentingan adalah secara lain terlibat dalam suatu aktiviti yang menjelaskan masa dan komitmen untuk menguruskan Pemohon atau syarikat subsidiarinya; dan
- (e) sama ada percanggahan itu signifikan berhubung sifat, skala dan kerumitan perniagaan Pemohon atau syarikat subsidiarinya.

**Nota Panduan 18
Peranan dan Tanggung jawab Penaja**

- 6.4 Penaja mesti memastikan bahawa semua hutang perdagangan yang melebihi tempoh kredit biasa dan semua hutang bukan perdagangan, yang dihutang oleh orang berkepentingan kepada Pemohon atau syarikat subsidiarinya, adalah diselesaikan sepenuhnya sebelum penyenaraian Pemohon dalam Senarai Rasmi.
- 6.5 Pemohon dan Penajanya mesti mengisyiharkan perkara berikut dalam permohonan penyenaraian:
- (a) sifat dan tahap percanggahan kepentingan atau potensi percanggahan kepentingan (jika ada);
 - (b) pihak-pihak dalam percanggahan; dan
 - (c) langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan, menghapuskan, atau mengurangkan keadaan percanggahan kepentingan.

7.0 Sistem, prosedur, dasar, kawalan dan sumber yang mencukupi

- 7.1 Penaja mesti berpuas hati bahawa Pemohon mempunyai sistem, prosedur, dasar, kawalan (termasuk sistem perakaunan dan pengurusan) dan sumber daya yang memadai untuk mematuhi Kehendak Penyenaraian dan kehendak undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan, dan yang mencukupi untuk para pengarah Pemohon membuat penilaian yang wajar mengenai kedudukan dan prospek kewangan Pemohon dan syarikat subsidiarinya, sebelum dan selepas penyenaraian.
- 7.2 Penaja mesti berpuas hati bahawa para pengarah Pemohon memahami kewajipan mereka bawah Kehendak Penyenaraian, termasuk -
- (a) berpuas hati bahawa para pengarah Pemohon telah dinasihatkan tentang kewajipan dan tanggung jawab berterusan mereka, dan Pemohon; dan
 - (b) berpuas hati bahawa para pengarah Pemohon menyedari bila mereka harus berunding dan meminta nasihat daripada Penaja mereka.

8.0 Sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang memadai

Penaja mesti berpuas hati bahawa Pemohon mempunyai kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko yang mencukupi untuk pematuhan undang-undang dan peraturan yang terpakai.

9.0 Kepentingan awam

Penaja mesti mempertimbangkan sama ada permohonan penyenaraian oleh Pemohon akan menjejaskan kepentingan awam.

10.0 Usaha wajar

- 10.1 Penaja mesti menyelia proses usaha wajar, berpuas hati bahawa usaha wajar yang dilakukan adalah wajar dan bersesuaian untuk Pemohon dan permohonan penyenaraianya. Penaja mesti berpuas hati bahawa semua isu material hasil dari pelaksanaan usaha wajar ditangani atau sebaliknya tidak mempengaruhi kewajaran dan kesesuaian Pemohon untuk penyenaraian.

**Nota Panduan 18
Peranan dan Tanggung jawab Penaja**

- 10.2 Dalam berbuat demikian, Penaja mesti, antara lain, berpuas hati bahawa perlaksanaan usaha wajar kewangan dan undang-undang yang sewajarnya dilaksanakan oleh firma profesional yang sesuai yang mematuhi Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengenai Pengendalian Usaha Wajar untuk Cadangan Korporat.

11.0 Kecekapan profesional dan pakar lain

Semasa mempertimbangkan dan memberi nasihat mengenai kesesuaian dan kecekapan profesional dan pakar lain termasuk akauntan pelapor dan juruaudit semasa Pemohon, Penaja mesti membuat penilaian sekurang-kurangnya berdasarkan reputasi, rekod prestasi, pengalaman yang berkaitan dan kecukupan sumber.